



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN MALAYSIA			
TARIKH	:	23/7/2019	MUKA SURAT	:	6
JABATAN	:	SPAN / AIR SELANGOR / LUAS / JPS			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Pencemaran minyak diesel dalam Sungai Selangor

Angkara khianat?

Oleh SITI ROHAIZAH ZAINAL

pengarang@utusan.com.my

■ KUALA SELANGOR 22 JULAI

SUNGAI Selangor yang tercemar akibat pencemaran minyak diesel sehingga menyebabkan gangguan bekalan air di beberapa kawasan dipercayai berpunca daripada perbuatan khianat.

Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari berkata, pihaknya mendapati kewujudan minyak diesel itu adalah berpunca daripada tong minyak yang terdapat di pontoon yang tidak beroperasi sejak dua bulan lalu.

Menurut Amirudin, pontoon itu dikendalikan oleh sebuah syarikat yang mendapat lesen daripada Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. dan hasil pemantauan pihaknya mendapati 100 liter minyak diesel dikesan dalam Sungai Selangor oleh Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. (Air Selangor) di Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 2.

“Minyak sebenarnya tidak dibenarkan ditinggalkan di pontoon. Namun, kita serahkan semua ini kepada polis untuk menyiasat bagi mencari punca.

“Bagaimanapun, kita tidak menolak ia adalah sabotaj, tidak bertanggungjawab dan mungkin kecuiaan daripada sesetengah pihak,” katanya dalam sidang akhbar di Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 2 di sini hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Polis Selangor, Datuk Noor Azam Jamaludin; Pengerusi Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna, Sains, Teknologi dan Inovasi Selangor, Hee Loy Sian dan Ketua Pegawai Eksekutif Air Selangor, Shuhaimi Kamarulzaman.

Terdahulu, kejadian pencemaran minyak diesel dikesan di Sungai Selangor yang terletak kira-kira enam kilometer dari Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 2 pada pukul 6 petang semalam yang mengakibatkan beberapa kawasan mengalami

gangguan bekalan air.

Sementara itu, Amirudin menjelaskan, pihaknya kini mengarahkan semua pontoon pengorekan dan penyedutan pasir yang tidak lagi beroperasi dikeluarkan terutama di sekitar Sungai Selangor.

Jelasnya, Lembaga Urus Air Selangor (LUAS), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan badan penguatkuasa negeri melaksanakannya agar tidak menanggung lagi risiko pada masa hadapan.

“Kita tidak mahu pontoon ini dibiarkan begitu sahaja di tengah sungai sehingga yang akan mengakibatkan pengaliran minyak dan sebagainya yang akan memberi kesan pada masa akan datang.

“Pontoon ini mungkin tidak digunakan selepas pasir tiada atau telah sampai had pengorekan dan penyedutan pasir di kawasan tersebut. Kita menjangkakan agihan bekalan air akan bermula pukul 6 pagi hingga 6 petang esok selepas kolam takungan penuh,” katanya.



AMIRUDIN SHARI (kanan) meninjau kerja-kerja pemulihan bekalan air di kolam takungan hiliran Kampung Hang Tuah.